



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (001-016)

Leksikal “Api” dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif

¹Sarah Balqis binti Zain Azman, ^{*2}Rozita binti Che Rodi & ³Hazlina binti Abdul Halim

¹sarahbalqis111@gmail.com, ^{*2}ita_cherodi@upm.edu.my & ³hazlina_ah@upm.edu.my

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia*

*¹Penulis Utama, ^{*2}Penulis Koresponden*

Tarikh terima : 10 September 2024
Received
Terima untuk diterbitkan : 17 November 2024
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025
Published online

Abstrak

Penghayatan peribahasa dalam kalangan masyarakat kita pada masa kini masih lagi kurang kerana majoriti masyarakat cuma menghafal peribahasa sahaja, namun tidak mengetahui makna konteks atau cara penggunaannya. Simbol api dalam masyarakat Melayu mencerminkan pelbagai makna dan sering dikaitkan dengan sifat manusia seperti kekuatan atau marah, juga digunakan dalam aktiviti seharian seperti memasak dan upacara ritual. Peribahasa berunsur “Api” digunakan sebagai lambang untuk menggambarkan sifat dan realiti kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis penggunaan leksikal “Api” yang terdapat dalam peribahasa Melayu berdasarkan pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang. Seterusnya, kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif dengan menggunakan data peribahasa Melayu yang mengandungi leksikal “Api” yang diambil daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua*, karya Abdullah Hussain (2016). Hasil kajian mendapati sebanyak 30 peribahasa menggunakan unsur “Api”, telah ditemui dalam kamus tersebut dan mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman dan mengupas mesej yang tersirat dalam peribahasa Melayu kepada para pembaca atau pengkaji pada masa akan datang.

Kata kunci: Semantik inkuisitif, peribahasa Melayu, api, leksikal, rangka rujuk silang.

Lexical “Fire” in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantic Analysis

Abstract

The appreciation of proverbs in our society is still lacking because most people only memorize proverbs, but do not know the meaning of the context or how to use them. This is a factor for the researcher to carry out a study from the aspect of Malay philosophy and common sense that is implied in Malay proverbs that have the element of fire. The symbol of fire in Malay society reflects various meanings and is often associated with human characteristic, such as strength or anger, and is also used in daily activities like cooking and rituals. This study will identify and analyze the lexical use of “Fire” found in Malay proverbs based on the Inquisitive Semantic and Cross-Reference Framework approach. Next, this study is descriptive qualitative by using the data of Malay proverbs containing the lexical “Fire” taken from the Kamus Istimewa Peribahasa Melayu second edition, by Abdullah Hussain (2016). The results

of the study found that as many as 30 proverbs using the element “Fire”, have been found in the dictionary and have a close relationship with the life of the Malay community. Therefore, this study is expected to provide understanding and unravel the message implied in Malay proverbs to readers or researchers in the future.

Keywords: *Inquisitive semantics, Malay proverbs, fire, lexical, cross-reference framework.*

1. Pengenalan

Peribahasa merupakan sastra lama yang masih kekal diungkapkan sehingga ke hari ini. Penggunaan peribahasa ini bukan sekadar sinonim dalam kalangan masyarakat Melayu sahaja, tetapi turut digunakan oleh bangsa lain seperti Cina dan India. Malah, masyarakat Barat juga mempunyai identiti peribahasa yang tersendiri. Hal yang demikian kerana peribahasa ini bersifat universal (Shamsudin Ahmad, 2007). Menurut *Kamus Pelajar Edisi Kedua* (2016) peribahasa merujuk kepada kelompok ayat yang tetap susunannya dan mempunyai maksud yang tertentu. Tujuan peribahasa ini diwujudkan adalah untuk memberi nasihat, peringatan, sindiran dan panduan hidup dalam bentuk komunikasi yang tersirat supaya orang yang mendengar atau membacanya tidak mudah berkecil hati dalam sesebuah komunikasi.

Masyarakat zaman dahulu gemar menggunakan bahasa kiasan berbanding berterus terang bagi mengelakkan terjadinya pergaduhan atau terasa hati kepada pihak yang lain. Dengan kepekaan dan kebijaksanaan pemikiran masyarakat Melayu dahulu terhadap alam persekitaran maka terbentuk peribahasa Melayu serta dikenali sebagai khazanah bangsa Melayu (Mohd Syukri Anwar dan Nor Hashimah Jalaluddin, 2021). Menurut Mohd Syukri Anwar dan Nor Hashimah Jalaluddin (2021) kajian peribahasa bukanlah perihal yang senang kerana melibatkan isi falsafah dan pemikiran yang kompleks untuk difahami. Tambahan lagi, para pengkaji tersebut juga berpendapat faktor kurangnya pendedahan masyarakat atau sebilangan pengkaji terhadap persekitaran alam menyebabkan batasan pengetahuan tidak meluas dan seterusnya menjadi asbab kepada kekurangan kajian peribahasa. Di samping itu, menurut Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010) ada menyatakan masyarakat kini terutamanya penutur Bahasa Melayu jarang menggunakan peribahasa dalam komunikasi harian mereka bahkan ada dalam kalangan masyarakat tidak memahami makna yang terkandung di dalam peribahasa tersebut.

Seterusnya, Abdullah Hussain (2017) menyatakan bahawa peribahasa Melayu ini berasal daripada tiga sumber. Sumber pertama ialah rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman hidupnya, sumber kedua pula ialah orang-orang arif bijaksana, yang mengeluarkan ungkapan kata-kata hasil daripada pemerhatiannya, dan sumber ketiga ialah kitab suci. Daripada tiga sumber inilah banyak peribahasa telah terhasil dan menjadi rujukan masyarakat pada zaman ini. Tambah beliau lagi bahawa tiada ketetapan masa pada tarikh bilakah peribahasa ini wujud.

Dalam pada itu, penciptaan peribahasa bukan sekadar memberi nasihat atau peringatan semata-mata tetapi juga untuk menonjolkan realiti kehidupan manusia serta memberikan tunjuk ajar antara manusia dengan manusia, manusia dengan Tuhan dan manusia dengan alam sekitar (Eli Aima Shazila Amran dan Julaina Nopiah, 2020). Dengan harapan, agar segala nilai moral yang terkandung dalam peribahasa ini dapat diajar kepada masyarakat Melayu terutamanya generasi masa kini. Amatlah rugi sekiranya keindahan peribahasa peninggalan nenek moyang ini tidak dipelihara dan digunakan. Tambahan lagi, peribahasa ini juga ibarat identiti bagi masyarakat Melayu kerana setiap peribahasa itu ada keunikannya yang tersendiri.

Berdasarkan penelitian pengkaji, banyak kajian lepas telah menjalankan penyelidikan terhadap peribahasa khususnya dari segi aspek semantik. Semantik merujuk kepada ilmu yang mengkaji makna perkataan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Maka, dengan ilmu semantik ini makna peribahasa bukan sahaja dapat dilihat secara tersurat malah isi tersirat juga dapat difahami (Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir, 2019). Umum mengetahui proses penciptaan peribahasa bukannya mudah

kerana ia memerlukan daya pemikiran yang sangat tinggi kerana daripada peribahasa tersebut memaparkan ketinggian intelektual dan kekayaan budaya bahasa sesuatu masyarakat (Zuraidah Jantan, Rozaimah Rashidin, Norizah Ardi dan Azhar Ab Wahab, 2023). Tambahan lagi, menurut Muhamad Fadzliah Zaini dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019), kehandalan pemikiran orang cerdik pandai zaman dahulu yang menggunakan kata kiasan menuntut pemahaman yang terperinci bagi memperoleh tafsiran yang jitu dan memahami falsafah di sebalik penggunaan kata-kata dan makna yang hendak disampaikan.

Kemudian, muncul satu pendekatan yang berfungsi untuk menganalisis makna peribahasa, iaitu semantik inkuisitif yakni telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) di dalam bukunya yang berjudul *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Beliau menjelaskan semantik inkuisitif merupakan satu proses bagi mendalami makna tersirat di sebalik peribahasa secara mendalam dan menyeluruh. Hal ini turut disokong oleh Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2020) yang menyatakan bahawa kajian semantik inkuisitif ini merupakan pendekatan terkini untuk merungkai makna tersirat dan secara tidak langsung telah mendorong ramai para pengkaji khususnya di Malaysia untuk menjalankan kajian semantik inkuisitif. Contohnya kajian oleh Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2018a; 2018b), Muhammad Ahmad Fadzil & Julaina Nopiah (2021), Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah & Mary Fatimah Subet (2021), Nurul Syazana Roslan & Nurul Jamilah Rosly (2021), Aminnudin Saimon dan Muhammad Asyraf Md. Rashid (2022) dan ramai lagi.

Orang bijak pandai zaman dahulu menjadikan lambang atau objek yang wujud di sekeliling sebagai salah satu unsur penting dalam pembentukan peribahasa yang menggambarkan sesuatu makna secara tersirat (Goh, 2009). Objek seperti haiwan, tumbuhan, benda, anggota badan, unsur alam merupakan antara perlambangan yang menjadi perhatian para pengkaji di Malaysia untuk dikaji. Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat satu lambang yang perlu diberi perhatian, iaitu “api”. Mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa peribahasa yang menggunakan lambang “api” merupakan salah satu unsur alam yang memainkan peranan penting kepada hidupan di bumi selain daripada unsur air, tanah dan udara. Sehubungan dengan itu, perkara ini telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih terperinci bagi melihat apakah makna di sebalik lambang “api” ini sehingga terhasilnya sebagai peribahasa.

1.1 Pernyataan Masalah

Peribahasa Melayu merupakan salah satu medium penting dalam menyampaikan panduan hidup masyarakat Melayu. Setiap peribahasa menggunakan unsur-unsur alam semula jadi sebagai simbol atau lambang untuk menyampaikan makna tersirat kerana menurut Tenas Effendy (2012) alam berkembang dijadikan guru. Hal yang demikian menunjukkan betapa akrabnya hubungan orang Melayu dengan alam sekeliling. Antara unsur alam yang sering digunakan dalam peribahasa Melayu adalah simbol ‘api’, yang melambangkan pelbagai sifat manusia.

Namun begitu, menurut Abdullah Hussain (2017) zaman sekarang orang sudah jarang-jarang menggunakan peribahasa dalam percakapan. Kebimbangan ini dapat dilihat dalam kalangan generasi muda kini amat terhad pengetahuannya untuk menghayati peribahasa serta ada juga yang tidak pernah melihat objek yang dituturkan dalam peribahasa tersebut (Nor Hashimah Jalaluddin seperti yang dinyatakan dalam Rabi’atuladawyah Md Saleh, 2022). Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan anak muda tidak mampu menghargai makna tersirat dan nilai moral yang terkandung dalam peribahasa. Tambahan lagi, kehilangan keupayaan memahami objek yang dituturkan dalam peribahasa juga membimbangkan dari aspek pemeliharaan identiti dan akal budi Melayu.

Oleh itu, kajian ini muncul daripada keperluan untuk memahami makna dan fungsi leksikal ‘api’ dalam peribahasa Melayu serta untuk meneroka makna tersiratnya berdasarkan pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Dengan meneliti maksud secara mendalam simbol ‘api’ dalam

konteks budaya Melayu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang pemahaman yang lebih menyeluruh tentang cara masyarakat Melayu dahulu menggunakan peribahasa sebagai pengantara menyampaikan akal budi dan panduan hidup.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi memenuhi objektif yang berikut:

- i. Untuk mengenal pasti leksikal “Api” yang terdapat dalam peribahasa Melayu.
- ii. Untuk menganalisis penggunaan leksikal “Api” yang terdapat dalam peribahasa Melayu berdasarkan pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang.

1.3 Batasan Kajian

Kajian ini hanya akan meneliti senarai peribahasa Melayu yang mengandungi leksikal “Api” yang diambil daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* oleh Abdullah Hussain (2017).

2. Kajian Literatur

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kajian semantik khususnya semantik inkuisitif mula mendapat tempat dalam skop penyelidikan tempatan. Rata-rata pengkaji tempatan aktif mengkaji karya tempatan dengan menerapkan pendekatan semantik inkuisitif bagi merungkai makna tersirat serta akal budi yang terkandung dalam sesuatu karya terutamanya peribahasa Melayu.

2.1 Kajian Semantik Inkuisitif Umum

Selain kajian terhadap peribahasa, pendekatan semantik inkuisitif ini turut dijalankan terhadap karya yang lain seperti slanga, lirik lagu dan pantun. Antaranya kajian daripada Muhammad Zaid Daud (2018a), iaitu menganalisis slanga yang mempunyai lambang tumbuhan dalam rakaman perbualan secara tidak formal. Rakaman ini diambil daripada perbualan di kedai kopi sekitar Kuala Lumpur dan Kota Samarahan, Sarawak. Selain itu, kajian ini bersifat kualitatif deskriptif dan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk tujuan menganalisis slanga serta dibantu dengan analisis Rangka Rujuk Silang (RRS) bagi memperoleh maklumat tambahan kepada pengkaji dalam menjelaskan makna slanga. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat jenis tumbuhan atau buah-buahan telah dikenal pasti iaitu getah, tebu, jambu dan langsung.

Seterusnya, muncul kajian daripada Wong Shia Ho dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019) yang menghuraikan makna dan akal budi penulis melalui bahasa kiasan yang digunakan dalam lagu “Mati Hidup Semula”. Kajian ini juga berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif. Dalam lirik lagu tersebut, para pengkaji tersebut telah memilih dua ungkapan implisit sebagai data kajian iaitu “Dulu hidup kurasakan mati” dan “Setelah mati kuhidup semula”. Daripada data tersebut, pengkaji ini mendapati hubungan kata “hidup” dan “mati” adalah bersifat antonim pada tahap harfiah dan mengandungi makna tambahan secara dualisme. Dalam hal ini, pemilihan bahasa kiasan dalam lagu bukanlah dicipta secara semberono tetapi telah diteliti dan difikirkan oleh penulis lagu kerana dalam menghasilkan lagu perlu ada elemen kepuitan di samping menyampaikan mesej kepada pendengar.

Selain itu, kajian Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Noriah Mohamed (2020) turut menggunakan pendekatan yang sama seperti kajian-kajian sebelum ini iaitu semantik inkuisitif yang diasaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dan mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang (RRS) serta kajian ini berbentuk kualitatif. Kajian ini menggunakan pantun nasihat yang diambil daripada buku Kurik Kundi Merah Saga sebagai data kajian dan seterusnya mengenal pasti simbol ‘bunga’ yang terdapat dalam pantun ini untuk dianalisis. Dapatan kajian mendapati terdapat empat jenis simbol ‘bunga’ seperti Bunga

Melati, Bunga Melur, Bunga Raya dan Bunga Lalang telah ditemui di dalam pantun ini. Kesemua simbol bunga ini membawa variasi makna yang tersirat dan selalunya berfungsi sebagai bentuk nasihat dan teguran kepada masyarakat. Di sini, jelaslah bahawa masyarakat Melayu dahulu gemar meluangkan masa di kebun dan hutan serta sedikit sebanyak memberikan mereka idea dan falsafah dalam menghasilkan pantun yang berunsurkan alam tumbuhan.

Kesimpulannya, bersandarkan kajian-kajian lepas ini pengkaji mendapati pendekatan semantik inkuisitif berjaya menganalisis pelbagai bentuk karya bahasa dan sastera Melayu. Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengupas makna secara tersurat malah makna tersirat juga dapat diterokai dengan lebih mendalam yang sering kali terikat dengan adat budaya, intelektual dan falsafah pemikiran masyarakat Melayu. Juga, berdasarkan penelitian pengkaji pendekatan semantik inkuisitif ini dapat membantu proses pelaksanaan penyelidikan pengkaji terhadap peribahasa Melayu yang memfokuskan lambang “Api”.

2.2 Kajian Semantik Inkuisitif dalam Peribahasa

Berdasarkan pembacaan pengkaji, kajian lepas banyak membicarakan tentang kajian peribahasa dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Bukan sahaja terhadap peribahasa Melayu, malah kajian terhadap peribahasa Tamil dan Indonesia turut dijalankan oleh para pengkaji tempatan dan luar. Justeru, dalam bahagian sorotan ini pengkaji akan memaparkan kajian lepas yang mengandungi tema yang paling dominan dilakukan dalam konteks penyelidikan semantik inkuisitif dalam peribahasa.

Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin Wan Ismail (2016) telah menjalankan satu kajian kualitatif yang berkaitan analisis semantik inkuisitif terhadap unsur ikan yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Di mana para pengkaji ini ingin melihat apakah akal budi dan falsafah orang Melayu terhadap unsur ikan sehingga membentuk peribahasa. Secara umumnya, ikan merupakan haiwan yang tergolong dalam kategori *Pisces* iaitu bertulang belakang (mempunyai vertebrata), tinggal di kawasan air, bernafas melalui insang serta mempunyai sirip yang berfungsi menjaga keseimbangan tubuhnya. Penulis menyatakan sebanyak 135 peribahasa Melayu yang berasaskan ikan. Namun, dalam kajian ini penulis hanya memaparkan 35 jenis ikan sahaja. Dapatan kajian menunjukkan unsur ikan ini menggambarkan kehidupan orang Melayu dahulu yang asalnya bangsa yang hidup di pinggir sungai dan laut. Pada masa itu, sungai bukan sahaja menjadi laluan perhubungan tetapi juga sumber rezeki kepada manusia. Tambahan lagi, ikan merupakan antara haiwan yang mempunyai khasiat yang baik untuk kesihatan manusia.

Seterusnya kajian Muhammad Zaid Daud (2018b) pula mengkaji penggunaan leksikal ayam sebagai objek dan musang sebagai imej dalam peribahasa Melayu. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (2016) oleh Abdullah Hussain sebagai bahan kajian. Juga, pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) turut diaplikasikan dalam kajian ini dan diperoleh daripada pangkalan korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta *Malay Concordance Project (MCP)*. Hasil kajian menunjukkan terdapat lima bentuk peribahasa Melayu yang menggunakan leksikal ayam dan musang dan setiap peribahasa tersebut mempunyai domain sifat iaitu keuntungan, khianat, berhati-hati dan sia-sia. Kemudian, pengkaji menjelaskan lagi bangsa Melayu dahulu menjadikan ayam dan telur ayam sebagai salah satu sumber makanan kepada manusia kerana dagingnya yang kaya dengan protein, mineral dan vitamin. Di samping itu, ayam juga merupakan makanan kepada sang musang dan hal ini merisaukan penternak ayam kerana pada zaman dahulu pengurusan reban ayam tidak begitu kondusif malah memudahkan musang untuk memakan mangsanya. Manakala, musang pula haiwan pemangsa yang mempunyai sistem pencernaan yang kuat membuatkan mereka sering berasa lapar dan jika ada peluang mereka akan menerkam mangsanya untuk dimakan.

Manakala, kajian Junaini Kasdan (2015) menjelaskan makna tersirat bagi lambang asam yang terdapat dalam peribahasa Melayu berdasarkan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu. Pendekatan semantik inkuisitif telah diaplikasikan di dalam kajian ini dan turut digunakan adalah kaedah translasi

dengan mengambil kira bukti sejarah, etimologi, sains, geografi, sosiologi, agama dan budaya. Dari segi dapatan kajian pula, pengkaji ini telah menghuraikan dengan terperinci bagi peribahasa “ikan di laut, asam di gunung, bertemu juga di dalam belanga” di mana lambang asam ini sinonim dengan rasanya yang masam serta sering digunakan sebagai bahan masakan. Selain itu, asam juga merupakan pelengkap rasa dalam masakan yang berasaskan ikan, manakala laut dan gunung menggambarkan tempat yang bertentangan dan sangat jauh serta mustahil untuk disatukan. Jika dikaitkan antara ikan dan asam ianya seperti pasangan yang berkhasiat dan memberikan keseimbangan dalam diet pemakanan orang Melayu.

Seterusnya, kajian Kingkin Puput Kinanti dan Anita Kurnia Rachman (2019) pula adalah antara kajian daripada Indonesia yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam peribahasa Indonesia. Kajian ini memfokuskan kepada perlambangan padi dan apakah maksud tersirat di sebalik padi dalam konteks pandangan masyarakat Indonesia. Kaedah penelitian adalah secara kualitatif deskriptif. Padi merupakan tumbuhan yang penting bagi masyarakat Indonesia kerana dikenali sebagai sumber makanan utama. Tambahan lagi, padi juga memberi manfaat kesihatan, mencegah gangguan pencernaan, bisu, jerawat dan sebagainya. Mengikut kepercayaan masyarakat Indonesia, padi merupakan sumber makanan yang disembah kerana masyarakat mereka percaya bahawa padi dapat memberi kemakmuran dan kebaikan dalam kehidupan.

Dalam pada itu, ada satu kajian daripada Malaysia juga berkisarkan tentang padi tetapi dilihat dari sudut pandang masyarakat Melayu. Yakni kajian daripada Junaini Kasdan dan Julaina Nopiah (2021) telah membahaskan peribahasa Melayu yang mengandungi resam padi. Data kajian diambil daripada pangkalan data www.malaycivilization.com dan *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (1989). Hasil kajian menunjukkan para pengkaji ini telah memilih dua peribahasa untuk dihuraikan dengan mendalam iaitu “Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang” dan “Bawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk”. Padi merupakan makanan ruji dan pembekal karbohidrat utama kepada masyarakat Melayu dan etnik asia yang lain. Sifat padi yang menunduk iaitu semakin banyak padi, semakin tunduk padi ke bumi diterjemahkan oleh masyarakat Melayu sebagai sikap rendah diri dan tidak sombong. Hal yang demikian menunjukkan peribahasa yang dipilih pengkaji ini mengandungi unsur nasihat yang bertujuan untuk mendidik manusia agar menjauhi sifat takabur dan sentiasa bersifat tawaduk dalam kehidupan.

Sebagai kesimpulan, setiap kajian lepas yang telah dilaksanakan mempunyai kelebihan yang tersendiri. Antaranya, masyarakat dapat mengetahui ilmu baharu mengenai makna tersirat bagi jenis-jenis perlambangan yang ada dalam peribahasa dan setiap penciptaan peribahasa itu terhasil daripada pengamatan kebijaksanaan sesuatu bangsa. Di samping itu, daripada kajian lepas ini juga telah mendorong pengkaji sendiri untuk menghasilkan satu kajian analisis semantik inkuisitif terhadap unsur alam yang belum dihuraikan secara rinci dalam penyelidikan iaitu unsur api.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif deskriptif, iaitu melibatkan kaedah analisis dokumen dan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) dan Rangka Rujuk Silang (RRS).

3.1 Bahan Kajian

Kajian ini menggunakan *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* yang ditulis oleh Abdullah Hussain (2017) sebagai bahan kajian. Justifikasi pemilihan buku ini adalah kerana buku ini telah menghimpunkan sebanyak 4359 peribahasa Melayu dan merupakan kamus peribahasa yang lebih lengkap daripada kamus peribahasa yang lain. Tambahan lagi, kamus ini telah disusun atur mengikut abjad dan nombor sekali gus membantu pencarian pengkaji untuk mencari peribahasa yang diperlukan. Proses pencarian data adalah berdasarkan kata kunci leksikal ‘api’ iaitu, pengkaji meneliti secara manual bagi setiap halaman dan menggunakan penunjuk di dalam kamus tersebut. Daripada jumlah keseluruhan itu,


sebanyak 30 jenis peribahasa yang menggunakan unsur leksikal ‘api’ di mana kesemua peribahasa ini akan diambil, disusun di dalam jadual berserta maksudnya. Namun, bagi tujuan perbincangan hanya dua peribahasa sahaja yang berunsurkan ‘api’ akan dihuraikan secara mendalam dalam penulisan ini.

3.2 Pendekatan Semantik Inkuisitif

Kajian ini akan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 2014. Beliau telah mewujudkan pendekatan ini bagi merungkai makna tersirat pada peribahasa yang wujud. Terdapat tiga tahap dalam semantik inkuisitif iaitu tahap pertama semantik skrip, kedua semantik resonans dan ketiga ialah semantik inkuisitif. Hal yang demikian dapat dilihat pada rajah berikut:

Rajah 1

Kerangka Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014)



Dalam Rajah 1 memaparkan kerangka pendekatan semantik inkuisitif yang perlu dibahaskan untuk melihat fenomena yang wujud dalam peribahasa Melayu. Pada tahap pertama, iaitu semantik skrip sekadar membincangkan makna peribahasa secara harfiah berdasarkan makna yang tertera dalam kamus peribahasa. Pada tahap inilah bermulanya proses mengenal akal budi masyarakat Melayu dalam peribahasa namun tidak cukup untuk mengupas peribahasa secara mendalam.

Seterusnya, tahap kedua ialah semantik resonans yang akan dibantu oleh konsep Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam Teori relevans. Konsep RRS ini telah diperkenalkan oleh Kempson (1986) yang merupakan sebahagian daripada Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Selain itu, RRS ini adalah konsep tambahan untuk memperkuat tafsiran makna. Dengan erti kata lain, pada tahap ini berlaku pentafsiran makna di peringkat teori dan kognitif yang terjadi dalam pemikiran masyarakat. Menurut Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli dan Maizura Osman (2023), proses RRS ini terjadi apabila sesuatu ujaran tidak mempunyai anteseden atau rujukan yang jelas tetapi pembaca dapat memahami makna ujaran tersebut dengan menghubungkan ayat kedua dengan ayat pertama. Tambah para pengkaji ini lagi, anteseden yang diperlukan tidak tergambar secara nyata sama ada dalam bentuk teks atau visual dan oleh sebab itu penyampai mengambil inisiatif untuk memberikan maklumat tambahan sebagai sebahagian daripada konteks untuk membantu pembaca memahami makna ujaran. Selain itu, maklumat tambahan boleh berbentuk seperti leksikal, frasa, ujaran terdahulu dan ujaran seterusnya.

Penggabungan RRS dan maklumat tambahan dari perspektif budaya mampu membuahkan hasil penjelasan yang jitu mengenai makna peribahasa Melayu.

Akhir sekali, tahap yang ketiga, iaitu semantik inkuisitif merujuk kepada proses mencungkil akal budi masyarakat Melayu dalam peribahasa. Pada peringkat ini, segala pentafsiran makna akal budi perlu dilaksanakan bersandarkan bukti luar linguistik seperti bukti sejarah, etimologi, sains, geografi, sosiologi, agama, budaya dan sebagainya bagi menjawab persoalan berkaitan pemilihan leksikal dalam peribahasa yang dikaji. Makna akal budi di sini membawa maksud akal pemikiran yang terletak di dalam akal (Rozita Che Rodi, 2022). Justeru, kajian ini akan memfokuskan peribahasa Melayu yang berunsurkan ‘api’ dan dikaitkan dengan akal budi penuturnya.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 30 peribahasa yang menggunakan leksikal ‘Api’ daripada 4359 peribahasa yang tertulis dalam *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* karya Abdullah Hussain (2017). Berikut merupakan dapatan peribahasa yang menggunakan leksikal ‘Api’ dalam peribahasa Melayu:

Jadual 1

Leksikal “Api” dalam Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua

Bil	Peribahasa	Maksud
1.	Angus (hangus) tiada berapi, karam tidak berair	Menderita kesusahan kerana kematian atau kehilangan kekasih.
2.	Api dengan air, alangkah bezanya	Jahat dengan baik amat jauh bezanya.
3.	Api itu, tatkala kecil menjadi kawan, apabila besar menjadi lawan	Kejahatan yang sedikit itu hendaklah lekas diperbaiki supaya jangan sampai melarat.
4.	Api kecil baik dipadam	Basmilah kejahatan itu semasa ia kecil lagi.
5.	Api makan sekam	Perbuatan jahat atau rindu dendam yang tersembunyi.
6.	Api nan tak kunjung padam	Semangat yang hidup selama-lamanya.
7.	Api padam puntung berasap	Perkara yang telah putus, tetapi ditimbulkan kembali.
8.	Api padam puntung hanyut, kami tidak di situ lagi	Cerita yang sudah tamat; benar-benar sudah selesai.
9.	Bagai api dengan rabuk	Mudah menimbulkan sesuatu hal yang tak baik kalau diperdekatkan.
10.	Bak cetus api	Sangat cepat.
11.	Bakar tak berapi	Cinta tidak dengan sebenarnya; cinta dengan diam-diam.
12.	Genggam bara api biar sampai jadi arang	Membuat sesuatu pekerjaan yang susah, hendaklah sabar sehingga mencapai kejayaannya.
13.	Hanya air dingin yang dapat memadamkan api	Kata-kata yang lemah lembut saja yang dapat mendinginkan hati yang sedang marah.
14.	Hendak memadam api tengah menyala, disiramkan minyak pula ke atasnya	Orang yang sedang marah malah diapi-apikan pula.
15.	Jangan kamu sangka: kapal api besi itu pun masuk guri juga	Jangan disangka sesuatu yang kuat dan teguh akan kekal terus tidak binasa.
16.	Jauh panggang dari api	Jawapan atau sindiran yang tidak tepat.
17.	Kalau ada asap, tentu ada api	Tiap-tiap sesuatu ada asal mulanya.
18.	Kalau tak ada api, masakan ada asap	Jika tidak bersalah masakan dituduh orang.
19.	Kecil api menjadi kawan, besar ia menjadi lawan	Kejahatan yang sedikit jangan dibiarkan menjadi besar.
20.	Kecil-kecil lada api, besar-besar limau abung	Meskipun kecil tetapi berani.
21.	Kecil-kecil pun api	Barang sesuatu yang dapat mendatangkan bahaya janganlah dibiarkan walaupun sedikit.
22.	Lah ke tengah makan api	Perselisihan yang telah mendalam, maka susah

		didamaikan.
23.	Main air basah, main api letur, main pisau luka	Tiap-tiap perbuatan atau pekerjaan akan meninggalkan akibatnya.
24.	Mengusir asap, meninggalkan api	Mencari sesuatu yang kurang penting, meninggalkan yang lebih penting.
25.	Meniup api di atas air	Melakukan sesuatu pekerjaan yang sukar.
26.	Sebelum sampai ke api, tentu bahangnya dulu terasa	Sesuatu bahaya besar biasanya didului dengan tanda-anda dan alamatnya.
27.	Selera bagai cetus api	Sangat rakus.
28.	Seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu: hinggap ke batang, batangnya mati: hinggap ke ranting, rantingnya patah	Orang yang jahat (khianat) apabila berhimpun dengan orang baik-baik, nescaya binasalah orang baik-baik itu.
29.	Seperti kapas dimakan api	Kebinasaan yang sangat cepat.
30.	Telah ke tengah makan api	Perselisihan yang hebat.

Berdasarkan 30 senarai peribahasa di atas ini, pengkaji akan memilih sebanyak dua jenis peribahasa sahaja untuk dihuraikan dengan mendalam iaitu peribahasa “Genggam bara api biar sampai jadi arang” dan “Api dengan air, alangkah bezanya”. Justifikasi pemilihan dua peribahasa ini adalah kerana mengandungi dua pandangan utama dalam kehidupan kaum Melayu yakni memperlihatkan ketabahan menghadapi cabaran dan ketidaksemaan yang ketara dalam perhubungan dan situasi.

Jadual 2

Dapatan Peribahasa Leksikal ‘Api’ 1

Data 1: Genggam bara api biar sampai jadi arang

Tahap 1: Makna Harfiah

Data 1 menunjukkan peribahasa ‘*genggam bara api biar sampai jadi arang*’ membawa maksud apabila membuat sesuatu pekerjaan yang susah, hendaklah sabar sehingga mencapai kejayaannya.

Tahap 2: Semantik Resonans

Secara umumnya, peribahasa ini mempunyai ciri malar segar kerana masih lagi digunakan sehingga ke hari ini. Buktinya, dapat dilihat daripada data korpus yang menemukan penggunaan peribahasa ini seperti dalam korpus (i) di bawah:

Data Korpus (i)
Pemetaan RRS Leksikal Api

Meskipun terpaksa meninggalkan keluarga dan tanah air tercinta, namun bagi anak kelahiran

Malaysia yang kini berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), Yuna, 37, tegar berpegang kepada prinsip

****genggam bara api** biar sampai jadi **arang****. Ternyata, segala keringat dan air mata yang tumpah

sepanjang perjalanan sebagai perantau seni akhirnya terbalas apabila dilamar syarikat rakaman dan

pengurusan Indie-Pop dan mengikat perjanjian dengan Fader Label, syarikat rakaman yang

berpangkalan di New York.

Sumber: (Farihad Shalla Mahmud, Berita Harian, Selebriti, 2023)

Berdasarkan metodologi kajian, konsep RRS diaplikasikan untuk menjelaskan maksud peribahasa ‘*genggam bara api biar sampai jadi arang*’. Makna peribahasa ini menggambarkan sifat kesabaran seseorang dalam menghadapi cabaran hidup. Peribahasa ini menekankan betapa pentingnya ketabahan jiwa dalam melakukan sesuatu pekerjaan yang sulit. Cabaran hidup di sini membawa bentuk yang pelbagai kerana setiap individu mempunyai ujian dan rintangan yang berbeza misalnya cabaran pekerjaan, kesihatan, kewangan dan sebagainya.

Berdasarkan pemetaan data korpus (i) di atas, leksikal ‘api’ di dalam peribahasa ini menggambarkan kepada ‘bara api’ yang telah dibantu oleh maklumat-maklumat tambahan seperti **meninggalkan keluarga**, **tanah air**, **keringat** dan **air mata**. Perkataan meninggalkan keluarga dan tanah air merujuk kepada satu perbuatan meninggalkan negara tempat seseorang dilahirkan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005) untuk berhijrah ke negara lain atas tuntutan sesuatu perkara. Antaranya tuntutan pekerjaan, menyambung pengajian, kesihatan dan sebagainya. Seterusnya, perkataan-perkataan tersebut dikaitkan pula dengan ciri leksikal keringat dan air mata. Pada peringkat ini, leksikal rujukan sudah boleh ditafsir maknanya, iaitu kesukaran. Dengan erti kata lain, leksikal ‘bara api’ dalam peribahasa dan kaitannya dengan data korpus di atas menunjukkan kesukaran yang perlu ditempuhi oleh penyanyi Malaysia, Yuna untuk mencapai cita-citanya. Demi memenuhi impiannya, Yuna tidak terlepas dengan rintangan hidup sebagai seorang penyanyi kerana cabaran ingin menjadi penyanyi bertaraf antarabangsa bukanlah perkara yang mudah. Tambahan lagi, persaingan industri hiburan di luar negara lebih sengit berbanding di negara kelahiran.

Bagi memahami pemikiran masyarakat Melayu secara keseluruhan, peribahasa ini juga perlu dilihat untuk leksikal rujukan ‘arang’. Berdasarkan data korpus (i), leksikal ‘arang’ telah disokong oleh maklumat tambahan, iaitu dilamar dan mengikat perjanjian. Jika leksikal ‘bara api’ menunjukkan kesukaran,

cabaran dan rintangan, maka maklumat tambahan bagi leksikal ‘arang’ pula menunjukkan hasil, kejayaan dan kemenangan yang dikecapi oleh seseorang setelah mengharungi pelbagai cabaran. Walaupun arang secara harfiah bermaksud benda hitam yang rapuh (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005), ia juga menonjolkan keputusan akhir daripada kesukaran, di mana seseorang yang mengenggam bara api hingga menjadi arang mempunyai simbolik kekuatan mental dan ketabahan yang akhirnya membuahkan hasil. Sekiranya dikaitkan dengan situasi kejayaan penyanyi Yuna, ‘arang’ merujuk kepada kejayaan yang diperoleh setelah menempuhi pelbagai dugaan, ibarat arang terbentuk daripada bara yang akhirnya menjadi lambang kejayaan yang rapuh namun berharga.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif



Bara api



Arang

Foto 1: Imej binaan data 1

Sumber: Google Image

Bara api terjadi semasa proses pembakaran dilakukan iaitu apabila bahan bakar terurai dan pada masa yang sama membebaskan tenaga dalam bentuk suhu haba dan cahaya. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), bara api ini bermaksud serpihan (arang batu, kayu) yang bernyala dalam api yang hampir padam. Sifat bara api adalah berwarna merah atau ada masanya berwarna jingga dan rupanya seperti kepingan kecil bahan bakar yang telah terbakar. Juga, bara api sering bersangkutan dengan api yang hampir padam, tetapi masih mengandungi suhu panas yang tinggi, di mana ia mampu untuk membakar bahan lain yang senang terbakar.

Dalam dunia Masyarakat Melayu dahulu, amat bergantung kepada sumber alam kerana bagi mereka alam ini merupakan sumber nafkah dan budayanya (Aura Zulvania, 2021). Maka, apakah manfaat bara api dalam kehidupan orang zaman dahulu? Pelbagai kegunaan bara api antaranya untuk tujuan memasak, perubatan, pemanasan, ritual keagamaan dan sebagainya. Lazimnya, orang-orang Melayu dahulu menggunakan bara api untuk memasak dan digunakan untuk dapur arang tradisional. Haba panas yang terhasil daripada bara api adalah terkawal dan menjadikannya sesuai untuk memanggang atau memasak makanan dengan baik. Selain itu, bara api turut berfungsi sebagai pemanas seperti unggun api bagi menghangatkan situasi malam yang sejuk.

Tambahan lagi, manfaat bara api boleh dilihat dari aspek perubatan khususnya amalan bertungku bagi wanita selepas bersalin. Tungku ini diperbuat daripada bata (merah) atau batu sungai dan orang Melayu dahulu akan memanaskan ia di atas bara api dan seterusnya dibalut dengan daun mengkudu untuk lapisan pertama dan kain nipis untuk lapisan kedua (Rosnah Mustafaa, Radina Mohd Deli, Monaliza Sarbini-Zinc dan Wan Robiah Meor Osman, 2014). Kemudian, Rosnah Mustafaa *et al* (2014) menyatakan lagi haba daripada bara api tersebut akan membantu melancarkan aliran darah dalam tubuh wanita selepas bersalin. Berdasarkan pemerhatian penulis, amalan tradisional ini masih lagi dipraktikkan sehingga kini.

Seterusnya, bara api amat berkait rapat dengan arang. Arang merujuk kepada benda hitam yang rapuh dan terdapat dua jenis, iaitu arang batu dan arang kayu (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Arang

terhasil daripada proses pembakaran yang tidak lengkap bahan tumbuhan seperti kayu, tempurung kelapa atau kelapa sawit dan tulang haiwan (*Ensiklopedia Dunia Melayu*, 1997). Masyarakat Melayu dahulu banyak menggunakan arang terutamanya arang kayu untuk tujuan memasak, penanaman, kesihatan dan sebagainya.

Jadi, apakah perkaitan peribahasa ‘*genggam bara api biar sampai jadi arang*’ dengan persekitaran masyarakat Melayu dan apa falsafah di sebalik peribahasa ini. Peribahasa ‘*genggam bara api biar sampai jadi arang*’ bukan hanya menggambarkan cabaran yang susah secara fizikal, tetapi menonjolkan falsafah akal budi Melayu yang menegaskan ketabahan, kesabaran, dan tidak mudah putus asa. “Bara api” membawa simbolik ujian hidup yang sukar, manakala “arang” pula mencerminkan kejayaan yang dicapai setelah menghadapi segala kesukaran dengan azam yang kuat. Dalam perspektif akal budi Melayu, kejayaan tidak diukur daripada hasil fizikal sahaja, tetapi dilihat aspek ketahanan jiwa dan pengorbanan yang dilakukan sepanjang proses ujian berlaku. Orang Melayu dahulu memahami bahawa kehidupan ini memerlukan ketahanan yang tinggi, dan hanya dengan kebijaksanaan serta kesabaran, individu mampu menegapi kejayaan yang berharga.

Jadual 3

Dapatan Peribahasa Leksikal ‘Api’ 2

Data 2: Api dengan air, alangkah bezanya
--

Tahap 1: Makna Harfiah


Data 2 menunjukkan peribahasa ‘*Api dengan air, alangkah bezanya*’ membawa maksud perbuatan jahat dan perbuatan baik menunjukkan perbezaan yang ketara dan tidak boleh disamakan.

Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis bahagian ini akan memaparkan data korpus sebagai data sokongan bagi melihat proses kognitif yang berlaku dalam pemikiran orang Melayu dalam mencipta peribahasa. Data korpus (ii) di bawah merupakan contoh penggunaan peribahasa yang berunsurkan api.

Data Korpus (ii)


Pemetaan RRS Leksikal Api



Berdasarkan pemetaan data korpus (ii) di atas, leksikal ‘api’ di dalam peribahasa ini berfungsi sebagai lambang sifat jahat atau tingkah laku yang negatif. Secara kognitif, pendengar memahami bahawa

‘api’ dikaitkan dengan sifat marah atau bahaya, sementara ‘air’ pula menampilkan nilai positif seperti ketenangan dan keharmonian. Maka, dalam konteks peribahasa ini, ‘api’ merujuk kepada karakter Husain yang cenderung melakukan perkara tidak baik, manakala ‘air’ menggambarkan karakter Ali yang memiliki sifat terpuji dan dihormati. Melalui pendekatan Rangka Rujuk Silang dalam semantik inkuisitif, pandangan kognitif terhadap kedua-dua leksikal ini memberikan pertentangan yang jelas antara sifat, yakni ‘api’ membawa makna negatif manakala ‘air’ melambangkan konotasi positif iaitu kebaikan. Hal yang demikian sekaligus memperkukuhkan pemahaman pendengar terhadap maksud mendalam bagi peribahasa tersebut.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif



Api

Air

Foto 2: Imej binaan data 2

Sumber: Google Image

Api adalah salah satu unsur alam yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat dunia (Nor Hafuza Muhammad Arif, Hasmidar Hassan & Maizura Osman, 2024). Mengikut sejarah, manusia prasejarah telah menggunakan api untuk tujuan menghangatkan badan mereka, memasak makanan, menempa senjata, membakar tembikar dan sebagai satu senjata untuk menakutkan haiwan buas. Terdapat tiga perkara utama untuk menghasilkan api, iaitu bahan bakar, oksigen dan suhu tinggi bagi mempercepatkan interaksi molekul di antara oksigen dengan bahan bakar (*Ensiklopedia Dunia Melayu*, 1997). Kini, penggunaan api semakin meluas dan penting kepada manusia antaranya sebagai sumber elektrik dan membasmi kuman. Dalam *Ensiklopedia Dunia Melayu* (1997) ada menyatakan pada zaman dahulu, bagi menghasilkan api perlulah menggesekkan dua batang kayu atau dua biji batu. Kemudian, daripada prinsip tersebut terhasillah mancis yang memudahkan proses menyalakan api. Tambahan lagi, api merupakan alat peradaban yang memainkan peranan penting kerana tanpa api manusia tidak akan maju. Namun begitu, api yang terkawal dapat memberi kelebihan untuk kehidupan manusia tetapi api yang tidak terkawal akan mengundang bahaya seperti membunuh nyawa manusia dan memusnahkan harta benda.

Selain unsur api, unsur air juga merupakan sumber alam semula jadi yang memberikan manfaat kepada hidupan di bumi dan sebanyak 70% permukaan bumi ini dilitupi oleh air. Secara saintifiknya, air terbentuk daripada hidrogen dan oksigen iaitu apabila dua atom hidrogen dan satu atom oksigen bergabung, maka satu molekul air akan terbentuk dengan hubungan yang kuat yakni H_2O (Chiang Juat Eng, 2016). Menurut Chiang (2016) lagi sifat air adalah cecair yang tidak berwarna, tiada bau dan tiada rasa. Juga, air boleh berupa bentuk dalam pepejal, cecair dan gas. Manusia memerlukan air untuk terus hidup dan terdapat kajian menyatakan manusia boleh hidup tanpa makanan selama lebih daripada seminggu tetapi hanya beberapa hari sahaja tanpa air (Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur, 2016). Di samping kepentingan air kepada tubuh manusia, air juga menyumbang kepada pendapatan ekonomi terutamanya dalam bidang pertanian, perindustrian, perikanan, sumber elektrik dan sebagainya.

Tambahan lagi, jika dilihat dari sudut pandang sains, ‘api’ dan ‘air’ sering dianggap unsur yang berlawanan. Api mempunyai tenaga yang tidak terkawal dan mudah tersebar, manakala air mengandungi sifat ketenangan dan mampu memadamkan api. Hal yang demikian menunjukkan air dan api memainkan peranan penting dalam menjaga kestabilan alam sekeliling. Selain daripada perspektif sains, ‘api’ dan ‘air’ juga mempunyai simbolik dalam keagamaan. Misalnya, konsep ‘api’ dalam masyarakat Hindu membawa erti kermurnian dan pembersihan kerana kemampuannya untuk menghilangkan kotoran dan menjadikan sesuatu yang sakral (Made Dewi Yulli Astuti, 2023). Selain itu, dalam agama Islam konsep ‘api’ ini dikaitkan kepada simbol kemarahan atau hukuman seperti api neraka. Berlainan pula dengan ‘air’ iaitu sering dianggap sebagai simbol kesucian dan ketenangan, seperti dalam agama Islam perbuatan mengambil wuduk dikira sebagai satu bentuk pembersihan. Maka, dalam konteks peribahasa ini, api dan air bukan sahaja mencerminkan sifat manusia yang berlawanan tetapi juga sebagai simbolik keagamaan yang mengandungi makna yang tersendiri.

Penerokaan akal budi dalam peribahasa ‘*Api dengan air, alangkah bezanya*’ ini mengungkapkan bahawa dalam kehidupan memerlukan sifat yang berlawanan ini untuk mencapai kesejahteraan. Menurut Nor Hafuza Muhammad Arif et al. (2024), api ini boleh melambangkan sebagai perkara yang positif (semangat, emosi berkobar-kobar) atau negatif (marah, dendam, cemburu). Manakala, air pula melambangkan kesejukan dan ketenangan. Jika diamati kepada makna harfiah peribahasa ini, api dan air tidak boleh bercampur kerana mengandungi elemen yang berbeza dan hal ini menggambarkan keadaan yang tidak harmoni dalam sesuatu perhubungan. Sekiranya, mencantumkan kedua-duanya pasti akan menjurus kepada kebinasaan. Dengan kecerdikan orang Melayu dahulu, dapat dilihat kepentingan mengimbangi emosi yang kuat (api) dan ketenangan dalaman (air) sebagai panduan dalam kehidupan. Oleh itu, peribahasa ini menyampaikan sebagai bentuk peringatan kepada manusia tentang kepentingan keharmonian dalam menghadapi arus kehidupan.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, setiap peribahasa yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu terdahulu pasti mempunyai justifikasinya yang tersendiri. Sifat orang Melayu yang lemah lembut dan penuh santun menyebabkan mereka sering meluahkan rasa hati melalui kata-kata simbolik, indah, dan tersusun (Sapinah Haji Said, 2013). Seandainya peribahasa ini tidak dijaga atau dipelihara kemungkinan peribahasa ini akan ditelan arus pemodenan. Oleh itu, sebagai anak Melayu wajarlah kita untuk memelihara peribahasa ini agar terus meluas digunakan sehingga ke generasi akan datang dan selamanya.

Rujukan

- Abdullah Husain. (2017). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminnudin Saimon & Muhammad Asyraf Md. Rashid. (2022). Konsep Kepimpinan dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 12(1), 6-17.
- Arang. (1997). Dalam Safian Hussain, *Ensiklopedia Dunia Melayu* (Jilid 1, hlm. 133 -135). Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.
- Api. (1997). Dalam Safian Hussain, *Ensiklopedia Dunia Melayu* (Jilid 1, hlm. 131). Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.
- Astuti, M. D. Y. (2023). *Dewa Agni: Simbol kebijaksanaan dan kemurnian dalam agama Hindu*. *Sruti: Jurnal Agama Hindu*, 4(1), 94-102.
- Aura Zulvania. (2021, November 03). *Alam dan Lingkungan Melayu Riau*. Riautime.com. <https://www.riautime.com/news/detail/4519/alam-dan-lingkungan-melayu-riau-oleh-aura-zulvania>
- Chiang, J. E. (2016). *Mari Belajar Sains Bersama Upin & Ipin: Air*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Eli Aima Shazila Amran & Julaina Nopiah. (2020). Leksikal ‘Ayam’ dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 2020.
- Farihad Shalla Mahmud. (2023, Julai 30). *Pengorbanan Yuna berkelana di AS berbaloi*. *Berita Harian*. <https://api.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/07/1133330/pengorbanan-yuna-berkelana-di-berbaloi>

- Goh, S.S. (November 2009). *Pemindahan Lambang 'Padi' dalam Penterjemahan BM-Mandarin*. Dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5 (hal: 17-18). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli & Maizura Osman. (2023). Cerminan Kuasa Melalui Peribahasa Melayu Yang Berobjekkan 'Gajah' Dan 'Harimau' Analisis Semantik Inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 241-266.
- Junaini Kasdan. (2015). Conference: Seminar Meja Bulat "Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur". ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/308691823_UNSUR_ASAM_DAN_AKAL_BUDI_MELAYU_A_NALISIS_SEMANTIK_INKUISITIF
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(1), 31-42.
- Junaini Kasdan & Julaina Nopiah. (2021). Padi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59-72.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka. Diakses dari <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Kamus Pelajar (Edisi Kedua). (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka. Diakses dari <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. Dlm. C. Travis (Ed.). *Meaning and interpretation*. Basil Blackwell.
- Kingkin Puput Kinanti & Anita Kurnia Rachman. (2019). Padi Bagi Masyarakat Indonesia: Kajian Semantik Inkuisitif Pada Peribahasa Indonesia. *Basastra: Jurnal Kajian Bahasa dan Sastra Indonesia*, 8(1), 29 – 43.
- Mary Fatimah Subet, & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Mohd Syukri Anwar & Nor Hashimah Jalaluddin. (2021). Lipas dan Katak dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 25(2), 033-049.
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Noriah Mohamed. (2020). Analisis Semantik Inkuisitif: Simbol 'Bunga' dalam Pantun Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 036-048.
- Muhamad Fadzllah Zaini and Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Struktur seni bina Melayu "Tangga" dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 1-26.
- Muhammad Ahmad Fadzil & Julaina Nopiah. (2021). Estetika Rasa dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(2), 113-135.
- Muhammad Zaid Daud. (2018a). Imej Tumbuhan Dalam Slanga: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 4(1), 1-20.
- Muhammad Zaid Daud. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphrodites dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Murthy, T. & Mary Fatimah Subet. (2018a). Imej Rumpun Dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1), 37-56.
- Murthy, T. & Mary Fatimah Subet. (2018b). Imej Tebu dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), 24-29.
- Nik Mohd Faizal Salleh. (2017, April 17). *Kongsi Ilmu (Peribahasa Melayu)*. <https://nikmohdfaizalsalleh.blogspot.com/2017/04/peribahasa-melayu.html>
- Nor Hafuza Muhammad Arif, Hasmidar Hassan & Maizura Osman. (2024). Metafora Api dalam Teks Melayu sebagai Satu Manifestasi Nilai: Analisis Model Hibrid Baharu. *Pertanika Journal Social Sciences and Humanities*, 32(S1), 87-109.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10(1), 158-172.
- Nurul Syazana Roslan & Nurul Jamilah Rosly. (2021). Leksikal 'Hati' dalam Simpul Bahasa: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(2), 155-170.
- Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur. (2016, Januari 17). *Air sebagai sumber kehidupan*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/01/115197/air-sebagai-sumber-kehidupan>
- Rabi'ahatuladawyah Md Saleh. (2022, Mac 30). *Peribahasa Bukti Keintelektualan Bangsa*. Dewan Bahasa. <https://dewanbahasa.jendeladb.my/2022/03/30/3033/>
- Rosnah Mustafaa, Radina Mohd Deli, Monaliza Sarbini-Zinc & Wan Robiah Meor Osman. 2014. Amalan perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak. *Procedia - Social and Behavioural Sciences*, 134, 316-322.

- Rozita Che Rodi. (2022). Hati Budi Melayu Sebagai Simbol Peradaban Masyarakat: Analisis Kata Fokus “Ilmu” Berdasarkan Teori Medan Makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 15-180. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.6>.
- Sapinah Haji Said. (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Shamsudin Ahmad. (2007). *Kamus Peribahasa Melayu-Inggeris Edisi Kedua*. PTS.
- Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2020). Analisis Semantik Leksikal dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3(1), 45-63.
- Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah & Mary Fatimah Subet. (2021). Imej Perlambangan ‘Tangan’ dalam Simpulan Bahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal*, 4(1), 108-131.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publishers.
- Tenas Affendy. (2012). *Ungkapan Melayu: Pemahaman Dan Masalahnya*. Singapura: Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura.
- Wong, S. H. & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Bahasa Kiasan dalam Lagu “Mati Hidup Semula”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231-258.
- Zuraidah Jantan, Rozaimah Rashidin, Norizah Ardi & Azhar Ab Wahab. (2023). Padanan dan Prosedur Terjemahan Perlambangan Pancaindera dalam Peribahasa Inggeris-Melayu. *Jurnal Linguistik*, 27(2), 129-144.

Biodata Penulis

Sarah Balqis binti Zain Azman merupakan calon Doktor Falsafah di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Penumpuan bidang kajiannya ialah Semantik.

Rozita binti Che Rodi (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, mengkhusus dalam bidang Semantik: Semantik Budaya, Semantik Leksikal, Medan Semantik, Pemikiran dan Peradaban Melayu. Beliau pernah mengikuti kursus Pasca Doktorat di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom dengan tumpuan kajian terhadap *Penelitian Kandungan Bustan Al-Salatin Berkaitan Nasihat Syeikh Nur al-Din al-Raniri Kepada Sultan Aceh* dari tahun 2015-2017.

Hazlina binti Abdul Halim (PhD) merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, mengkhusus dalam Linguistik Gunaan Perancis dan Kajian Terjemahan. Beliau juga berpengalaman luas dalam kajian berkaitan Bahasa Perancis.